

Harga barang naik jejas 'mood' raya

Memasuki pertengahan Ramadan, suasana meriah untuk meraikan kedatangan Hari Raya sudah mula terasa, malah sambutan lebaran tahun ini dijangka lebih meriah berbanding sebelum munculnya pandemik Covid-19.

Pelaksanaan Fasa Peralihan ke Endemik bermula 1 April lalu dengan banyak kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) termasuk pemansuhan had waktu beroperasi bagi premis perniagaan (masing-masing mengikut syarat lesen operasi premis) membolehkan orang ramai lebih bebas melakukan aktiviti membeli-belah.

Antara lokasi wajib dikunjungi bagi kebanyakan warga kota metropolitan ini sudah tentunya Jalan Tuanku Abdul Rahman atau lebih dikenali dengan nama Jalan TAR. Malah, lokasi ini juga menjadi pilihan orang dari luar Kuala Lumpur untuk membeli pelbagai keperluan Aidilfitri dan suasana meriah ini sudah dapat dilihat sejak awal Ramadan lagi.

Tidak kurang juga lokasi tumpuan lain iaitu di Selangor untuk persiapan hari raya antaranya Bandar Baru Bangi dan Shah Alam sehingga jalan menuju ke Bangi Sentral dan Pusat Komersial Seksyen 7 Shah Alam sesak pada hujung minggu.

"Dah dua tahun tak raya, kali ini mestilah nak raya penuh meriah. Saya dah beli tiga pasang baju raya untuk diri sendiri," kata Nursyafiq Zakaria, 26, yang ditemui di sebuah butik di Bandar Baru Bangi baru-baru ini.

Itu belum lagi kisah pembelian secara dalam talian sehingga ada yang kecewa apabila banyak barangan dan saiz pakaian yang dikehendaki sudah kehabisan stok.

Namun, di sebalik keseronokan umat Islam membuat persiapan Aidilfitri, kenaikan kos sara hidup terutama peningkatan harga barang mungkin mengekang sikap sesetengah orang yang gemar "berbelanja sakan" sehingga sanggup berhutang.

Apa pun, Bantuan Keluaran Malaysia (BKM) dan pengeluaran khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10 ribu yang diterima khususnya bagi kumpulan B40 sangat membantu dalam membuat persiapan hari raya kali ini.

Tinjauan Bernama di sekitar pusat membeli-belah Lembah Klang mendapati rata-rata berpendapat peningkatan harga barang tidak menjejaskan mood persiapan raya malah akan menyambutnya lebih meriah daripada sebelumnya kerana antaranya, sudah boleh mengadakan majlis rumah terbuka.

Bagi eksekutif jualan Rosmizi Rahimi, 34, kenaikan harga barang di pasaran terutama pakaian raya dan barang keperluan adalah 'hikmah' baginya untuk mengawal nafsu berbelanja, lebih-lebih lagi beliau turut tergolong dalam kategori B40.

"Sebelum ini sambutan tidak begitu dirasai berikutan pandemik Covid-19 namun menjelang hari raya tahun ini, kebetulan harga bahan mentah seperti ayam naik mendadak, begitu juga barang dapur serta keperluan lain. Baju

pun menjadi mahal.

"Kami sekeluarga pernah mengalami situasi tidak cukup perbelanjaan ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan). Untuk itu, kami memanfaatkan pengeluaran KWSP dan BKM dengan membuat senarai barang yang perlu, seterusnya membandingkan harga antara pasar raya untuk meminimumkan perbelanjaan," katanya kepada Bernama.

Pengawal keselamatan, Siti Shafini Mohd Tarmizi Saad, 29, pula akan memanfaatkan pengeluaran KWSP sebanyak RM10,000 secara *one-off* pada 1 April lalu bagi meringankan beban perbelanjaan persiapan Aidilfitri.

"Asalnya saya membuat pengeluaran itu untuk kegunaan persekolahan dua orang anak yang masih bersekolah rendah namun masih ada lagi yang berbaki, jadi kami mengambil kesempatan terus menggunakannya untuk persiapan raya.

"Harga barang naik, sedikit sebanyak menjejaskan mood untuk berbelanja. Namun, tahun ini kami akan pulang ke kampung berhari raya bersama keluarga, jadi kami tidak kisah untuk berbelanja lebih sedikit asalkan berpada-pada dan tidak melebihi bajet yang dirancang," kata ibu kepada tiga orang

anak yang berasal dari Hulu Terengganu ini.

Pengasas pakaian Melayu Bayu Somerset, Diana Kamalul pula berkata, jualan busana tradisional Melayu di butiknya lebih laris pada tahun ini dengan kehadiran ramai pelanggan berbanding membeli secara dalam talian.

"Kami sebenarnya melakukan perniagaan busana secara dalam talian pada tahun 2021 dan ketika itu sambutan memberangsangkan kerana ramai yang terpaksa membeli baju raya

menerusi platform dalam talian. Sekarang sebab ada kelonggaran SOP, ramai lebih suka datang ke butik.

"Pelanggan saya lebih suka menilai sendiri fabrik yang digunakan dengan mencuba terlebih dahulu sebelum membeli, dan saya lihat trend membeli-belah di butik lagi rancak daripada platform dalam talian, malah sambutan tahun ini sangat luar biasa," katanya ketika ditemui di The Fashion Journal, Setia City Mall, Shah Alam, Selangor.

Menurut beliau, walaupun terdapat sedikit peningkatan pada harga busana berbanding tahun lepas namun ia masih mendapat sambutan kerana dijual dengan harga mampu milik dan berpatutan.

Pengurus Pusat Penguru-

san Hartanah Sungei Wang Plaza, Joseph Teo berkata, pihaknya menjangkakan trend membeli-belah pada tahun ini akan lebih meriah kerana usaha kerajaan melonggarkan SOP di bawah Fasa Peralihan ke Endemik pada 1 April lalu.

"Banyak pusat membeli-belah sedang melancarkan promosi hari raya, termasuk juga kami di Sungei Wang Plaza, bukan sahaja untuk menambahkan kedatangan pengunjung, tetapi juga menggalakkan mereka berbelanja di sini, sekali gus merencanakan industri pelancongan domestik dan antarabangsa.

"Namun demikian, dalam usaha menggalakkan mereka berbelanja, kami turut tidak melupakan SOP iaitu mewajibkan pemakaian pelitup muka dan menjaga jarak sosial," katanya.

Walaupun sambutan hari raya tahun ini dijangka lebih meriah, namun golongan yang tidak terkesan dalam kelangsungan hidup dinasihatkan untuk tidak membuat pengeluaran KWSP semata-mata untuk membuat persiapan raya.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohamad Fazli Sabri yang memberi nasihat ini berkata, wang caruman KWSP atau simpanan sepatutnya untuk kegunaan masa hadapan (persaraan).

"Mengapa perlu dipertahankan semata-mata untuk memenuhi tuntutan nafsu

dan emosi dengan alasan raya hanyalah setahun sekali," katanya.

Pensyarah Jabatan Pengurusan Sumber Dan Penggunaan Pengguna itu turut menyarankan agar pengguna dapat mengamalkan konsep berbelanja secara bijak dan berhemah terutamanya ketika musim perayaan, apatah lagi dalam situasi harga barang yang semakin melonjak sekarang.

Pengguna katanya, boleh membuat analisis kedudukan kewangan semasa mereka iaitu daripada segi pendapatan dan perbelanjaan, dengan menyediakan bajet khas untuk perbelanjaan persiapan raya mengikut keutamaan dan peruntukan yang mampu.

"Selain itu, mereka juga boleh membuat perbandingan harga secara tinjauan dalam talian 'online survey' menerusi laman web dan media sosial, serta elakkan perbelanjaan menggunakan kad kredit kerana ia berpotensi berbelanja lebih daripada pendapatan disebabkan boleh berhutang.

"Pastikan juga membeli dalam kuantiti atau jumlah yang sesuai serta mengikut senarai tanpa dipengaruhi oleh nafsu membeli," katanya.

Selain itu, orang ramai juga diingatkan agar tidak terperangkap dengan tawaran pinjaman peribadi yang biasanya akan menawarkan promosi menarik ketika musim perayaan.

Sementara itu, pensyarah kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM, Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata, pinjaman peribadi termasuk berhutang dengan mana-mana 'along' untuk kegunaan perbelanjaan persiapan raya hanya akan memerangkap si peminjam dengan beban hutang yang banyak selepas musim perayaan.

"Dah dua tahun tak raya, kali ini mestilah nak raya penuh meriah"
Nursyafiq